

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, November 14, 2019 8:37 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AUN Dan P2A Platform Program Pengantarabangsaan UUM di Kemboja



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 NOVEMBER 2019 / 17 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PPA CAS

AUN DAN P2A PLATFORM PROGRAM PENGANTARABANGSAAN UUM DI KEMBOJA



UUM ONLINE: Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS), Universiti Utara Malaysia melalui Persatuan Inovasi Mahasiswa (INOVA) menggunakan kelebihan UUM sebagai ahli ASEAN University Network (AUN) dan Passage to ASEAN (P2A) Association dalam program pengantarabangsaan aktiviti mahasiswa dengan mengadakan lawatan ke Kemboja, baru-baru ini.

Lawatan disertai 22 pelajar ke universiti-universiti di Kemboja selama lima hari itu meliputi aktiviti seperti persembahan kebudayaan, dialog, forum dan aktiviti sukarelawan mahasiswa UUM.

Dekan PPA CAS Prof. Madya Dr. Bahtiar Mohamad berkata, lawatan ke Kemboja merupakan satu perancangan strategik untuk meningkat kerjasama antara universiti serantau.

"Saya melihat keahlian UUM dalam persatuan serantau banyak membantu program-program pengantarabangsaan PPA CAS.

“Kita menerima banyak permohonan untuk kerjasama dalam aktiviti mahasiswa dan mobiliti. Ini mampu meningkatkan keternampakan (*visibility*) UUM di peringkat antarabangsa”, katanya.

Antara pengisian program bersama Asian Institute of Cambodia (AIC), Kratie ialah forum mahasiswa berkaitan perkongsian pengalaman Malaysia dan Kemboja dalam aktiviti mobiliti pelajar.

AIC dan UUM banyak menjalankan aktiviti bersama dalam program pembangunan pelajar dan mobiliti melalui platform P2A.

Pengarah AIC, Chhan Sopheap berkata, kerjasama antara AIC dan UUM telah terjalin sejak 2015 dan sehingga kini pelajar AIC banyak terlibat dalam pelbagai aktiviti anjuran UUM seperti seminar, program mobiliti dan kepimpinan.

“Mengikut rekod kami, aktiviti bersama UUM adalah yang paling banyak berbanding kerjasama dengan universiti-universiti lain, malah nama UUM tidak asing lagi bagi mahasiswa AIC bukan sahaja di kampus utama di Kratie ini tetapi juga kampus cawangan kami di Monduliri dan Phnom Vihear,” katanya.

P2A yang berpangkalan di Rangsit University, Bangkok dianggotai lebih daripada 85 buah universiti di rantau Asia Tenggara dan aktif mempromosi program mobiliti ‘*ASEAN Journey*’ antara negara anggota.

UUM merupakan pengerusi P2A Chapter Malaysia dan sering menerima lawatan delegasi mahasiswa universiti ASEAN.

Manakala, platform AUN digunakan dalam lawatan ke Royal University of Phnom Penh (RUPP) yang mana delegasi UUM disambut oleh Timbalan Pengarah Pejabat Hubungan Antarabangsa, Toch Pheakday dan Timbalan Pengarah Institute Foreign Language (IFL), Van Moniroth.

RUPP merupakan universiti terbesar di Kemboja dengan jumlah pelajar lebih 20,000 orang dan merupakan ahli penuh AUN bersama-sama dengan Royal University of Law and Economic (RULE).

Toch Pheakday berkata, walaupun UUM dan RUPP bernaung dibawah AUN tetapi kerjasama antara kedua-dua universiti agak terbatas, justeru beliau berharap kedatangan delegasi UUM akan menjadi titik permulaan bagi kerjasama pada masa akan datang dalam program pertukaran pelajar, pensyarah dan penyelidikan bersama.

Sementara itu, Moniroth amat teruja dengan kehijauan dan infrastruktur yang dimiliki UUM melalui tayangan video korporat UUM yang memaparkan keindahan dan kelebihan yang terdapat di UUM.

Menurutnya, mahasiswa RUPP boleh mengambil peluang melalui platform AUN untuk datang ke UUM sebagai pelajar mobiliti.

Katanya, beliau melihat UUM khususnya dan Malaysia amnya mempunyai potensi besar bagi RUPP untuk mempelajari ilmu baharu.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.